

**BENTUK KERTAS SOALAN**

**Status : Kertas Tertutup**

Kertas Pengetahuan Moral mengandungi 3 bahagian iaitu, bahagian A mengandungi 20 soalan (1 markah untuk setiap soalan), bahagian B mengandungi 8 soalan struktur (10 markah untuk setiap soalan), dan bahagian C mengandungi 2 soalan esei. (15 markah untuk setiap soalan)

**BENTUK JAWAPAN CALON YANG DIKEHENDAKI**

Calon dikehendaki menjawab kesemua soalan dari setiap bahagian. Masa yang diperuntukkan ialah 2 1/2 jam untuk menjawab kesemua soalan mengikut arahan yang diberi. Jawapan calon hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan di atas kertas soalan.

Kertas Pengetahuan Moral 2003 telah mengemukakan pelbagai isu. Di antaranya ialah isu warganegara asing, peningkatan kadar jenayah, tugas pasukan penyelamat, program anjuran sekolah untuk meningkatkan prestasi kurikulum, tanggungjawab sebagai pelajar atau pendidik, kempen kitar semula, pelancongan di Malaysia, konsep rumah terbuka, isu kekeluargaan, gejala sosial di kalangan remaja dan hak pengguna.

Isu ini telah dikemukakan dalam pelbagai bentuk seperti sajak, pernyataan, perbandingan, situasi dan jadual. Calon dikehendaki menyelesaikan masalah yang dikemukakan dalam situasi yang diberikan berdasarkan nilai murni dalam Pendidikan Moral.

Jawapan calon dinilai dari aspek ketepatan nilai untuk setiap situasi, penerangan yang menjurus kepada nilai yang dipilih dan huraian serta contoh yang berkaitan dengan situasi.

Calon harus meneliti isu dalam situasi yang diberi dan permasalahan yang dikemukakan. Penilaian dan tafsiran yang tepat akan membantu calon memilih nilai, penerangan dan huraian yang betul dan menjurus kepada kehendak soalan.

**PEMARKAHAN DALAM KERTAS PENGETAHUAN MORAL**

Secara umumnya untuk tahun 2003 pemarkahan kertas Pengetahuan Moral adalah seperti berikut :

**Soalan Struktur (10 markah)**

Nilai - 1 markah

Penerangan - 1 markah

Soalan Struktur memerlukan calon memberi hanya sejumlah nilai yang dikehendaki dan disertakan dengan penerangan yang tepat untuk setiap nilai yang dipilih.

Contoh :

**Soalan 1 a** - 6 markah

Ini bermaksud calon harus memberi sejumlah 3 nilai dan 3 penerangan sahaja

**Soalan 1 b** - 4 markah

Ini bermaksud calon harus memberi sejumlah 2 nilai dan 2 penerangan sahaja

Jumlah untuk soalan 1 ialah  $6 + 4 = 10$  markah

### Soalan Esei (15 markah)

Nilai	-	1 markah	x 1	=	1 markah	} 1 bahagian
Penerangan	-	1 markah	x 2	=	2 markah	
Huraian/Contoh	-	1 markah	x 2	=	2 markah	

Jumlah untuk setiap bahagian nilai yang diberi = 5 markah

Calon dikehendaki memberi 3 bahagian nilai =  $5 \times 3 = 15$  markah

Soalan esei memerlukan calon memberikan sejumlah 3 nilai, 2 penerangan yang berkaitan untuk setiap nilai, dan 2 contoh/huraian yang bersesuaian untuk setiap nilai.

### PRESTASI KESELURUHAN

Sebilangan besar calon menunjukkan kematangan dalam mempersembahkan jawapan. Walaupun masih terdapat segelintir yang tidak menjawab dengan baik. Namun prestasi calon banyak dibantu oleh Bahagian A di mana ramai calon mendapat markah penuh atau hampir penuh. Ini disebabkan Bahagian A cuma memerlukan calon mengingat nilai dan menguji pengetahuan calon sahaja. Manakala prestasi Bahagian B juga menampakkan kemampuan calon menjawab dengan baik kerana calon dapat menjawab soalan dengan memberikan nilai dan penerangan yang sesuai dengan situasi yang dikemukakan. Bahagian B hanya menguji kefahaman dan kemahiran calon dalam mentafsir soalan berdasarkan situasi yang diberi. Walau bagaimanapun Bahagian C iaitu soalan esei, masih di peringkat sederhana. Calon masih belum menampakkan kematangan menjawab soalan yang dikemukakan. Calon juga tidak berkemampuan mentafsir situasi dan membuat keputusan dengan menggunakan kemahiran mengaplikasi dan menganalisis situasi. Calon masih belum mencapai tahap kecekapan dalam menghurai dan mengembangkan idea serta hujah dengan mengemukakan alasan dan contoh yang kukuh dan bersesuaian.

## **PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON**

### **Calon Dalam Kumpulan Tinggi**

Calon dapat menjawab kesemua soalan dengan baik dan menepati kehendak soalan. Jawapan calon membuktikan kemampuan calon memahami nilai dengan baik. Calon dapat memberikan nilai yang tepat dan penerangan yang sesuai berdasarkan situasi. Calon juga dapat memberikan contoh yang berkaitan dengan situasi. Pemahaman calon yang jitu membantu mereka memberikan contoh yang berkaitan dengan situasi serta dapat mengembangkan idea dengan baik. Calon telah menampakkan kemampuan untuk memberikan hujah dan contoh yang jelas berkaitan dengan situasi. Jawapan calon yang tepat dan padat menepati kehendak soalan. Calon juga telah dapat membahagikan masa menjawab dengan baik kerana jawapan calon agak konsisten dan serata untuk setiap jawapan kepada soalan.

### **Calon Dalam Kumpulan Sederhana**

Calon kurang memahami kehendak soalan. Walaupun calon dapat memberikan nilai yang tepat tetapi penerangan calon lebih menjurus kepada maksud nilai yang tidak berkaitan dengan isu. Jawapan calon tidak konsisten, ada masa baik dan ada masa kurang tepat terutama untuk soalan esei. Calon tidak dapat memberikan contoh yang berkaitan dengan isu yang dikemukakan dalam situasi. Calon tidak dapat mengembangkan idea dengan baik kerana kurang pemahaman terhadap isu yang dikemukakan dalam soalan. Calon juga kurang teliti dan terdapat calon yang salah tafsir situasi. Ini mengakibatkan calon tidak dapat menjawab soalan dengan tepat. Calon juga kerap menjawab terlalu panjang tetapi tidak mengandungi hujah yang sesuai dengan situasi. Calon juga gemar menghabiskan terlalu banyak masa untuk satu soalan yang diketahui atau difahami dan mengabaikan soalan lain yang dianggap sukar dan tidak difahami.

### **Calon Dalam Kumpulan Rendah**

Calon tidak memahami kehendak soalan. Calon juga tidak dapat mentafsir soalan dengan betul dan tepat. Calon lebih banyak meneka dan menyenaraikan nilai sahaja. Terdapat calon yang memberi penerangan yang tiada kaitan dengan isu atau tidak ada penerangan langsung. Calon tidak memahami fungsi nilai, penerangan, huraian penerangan atau contoh yang dikehendaki. Calon juga tidak memahami teknik menjawab soalan Pengetahuan Moral. Ini menyukarkan calon untuk menjawab. Segelintir calon yang tidak memahami soalan, tidak mahu mencuba untuk menjawab soalan

## **SARANAN KEPADA CALON**

1. Soalan harus memahami kehendak soalan dan isu yang dikemukakan.
2. Calon hendaklah mencari kata kunci dalam situasi yang dapat memberi panduan memilih nilai yang tepat dan penerangan yang bersesuaian.
3. Calon disarankan menulis nilai seperti yang terdapat dalam sukatan pelajaran. Nilai tidak boleh diubah sehingga membawa maksud berlainan.
4. Jawapan ditulis dalam bentuk ayat bukan "point form".

5. Penerangan haruslah menerangkan kenapa nilai dipilih bukan memberi maksud nilai.
6. Calon digalakkan merancang pembahagian masa yang bersesuaian. Calon gemar mengemukakan jawapan yang panjang. Masa yang ditumpukan untuk jawapan yang panjang melebihi jangka masa yang diperuntukkan. Ini menyebabkan calon tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menjawab soalan lain.
7. Setiap soalan struktur dan esei telah disediakan ruang jawapan yang bersesuaian dan mencukupi. Oleh itu calon tidak digalakkan menulis melebihi daripada ruang yang disediakan. Bagi soalan struktur. Setiap nilai hanya memerlukan **SATU** penerangan sahaja. Penerangan yang terlalu panjang atau banyak hanya merugikan masa calon.
8. Calon digalakkan menulis jumlah nilai mengikut apa yang dikehendaki. Calon yang menulis terlalu banyak nilai akan dianggap seperti menyenaraikan nilai, bukan menjawab soalan.

### **SARANAN KEPADA GURU**

1. Mendedahkan bentuk atau format jawapan kepada calon.
2. Membincang dan memperbanyakkan isu yang berkaitan dalam pengajaran dan pembelajaran (P & P).
3. Memberikan panduan kepada calon cara untuk mengenal pasti kata kunci dalam soalan atau isu yang dikemukakan.
4. Mempelbagaikan kaedah mengajar agar P & P dapat menarik minat pelajar untuk belajar Pendidikan Moral.
5. Membantu calon memahami isu dan kehendak soalan.
6. Menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Lembaga Peperiksaan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri dan pihak-pihak lain yang berkaitan agar mendapat lebih banyak pendedahan.
7. Sentiasa melengkapkan diri dengan maklumat terkini berkaitan dengan peperiksaan dan kurikulum untuk mata pelajaran Pendidikan Moral.
8. Guru disarankan memaksimumkan penggunaan buku teks dalam P & P untuk mendapatkan kepelbagaian isu dan situasi.